



PERBENDAHARAAN NEGERI SELANGOR
SELANGOR STATE TREASURY
Tingkat 2, 8-12
Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
40592 SHAH ALAM
SELANGOR DARUL EHSAN
MALAYSIA

No. Tel : 603-5544 7000
No. Faks : 603-5510 6255 (YB. PWN)
603-5544 7297 (TPWN)
603-5512 1054 (BN)
603-5521 2533 (BKP)
Laman Web : <http://pwn.selangor.gov.my>
E-mel : pwn_helpdesk@selangor.gov.my



Ruj.Kami : PWN.SEL.1058 Jilid 4 (30)
Tarikh : 7 Januari 2020

**Semua Ketua Jabatan Negeri /
Ketua Pusat Tanggungjawab**

YB Dato' /YBhg. Dato'/ Tuan/ Puan,

**ARAHAN OPERASI iSPEKS 1 - LOGIN ID DAN PROSES SEMAK/LULUS
MENGUNAKAN TOKEN PKI DIGICERT.**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Dimaklumkan, Sistem Perakaunan Akruan Kerajaan Negeri (iSPEKS) akan mula digunakan oleh semua Jabatan Negeri dan Pusat Tanggungjawab bermula 8 Januari 2020 bagi menggantikan sistem perakaunan SPEKS.

3. Sehubungan itu, semua pengguna berdaftar sistem iSPEKS boleh mengakses sistem ini dengan cara berikut :-

- i. *URL* : <http://ispeks.selangor.gov.my/1SPEKSv2/spring/login>
- ii. *Browser* : Google Chrome
- iii. *Login ID* : Nombor Kad Pengenalan
- iv. *Password* : sepertimana yang telah dimaklumkan
- v. *Peranan* : Sila pilih peranan dengan klik di ikon  bagi pengguna yang mempunyai lebih dari satu peranan.

4. Berkaitan token PKI Digicert yang digunakan untuk tujuan semakan dan kelulusan baucar bayaran dan jurnal, pengguna perlu membuat instalasi perisian berikut di komputer :-

- i. ST3 (di dalam token Digicert)
- ii. eSign (muat turun di <http://pwn.selangor.gov.my>)

5. Garis panduan instalasi perisian ST3 dan eSign boleh dirujuk di **Lampiran A** manakala contoh skrin paparan semak/lulus yang menggunakan token PKI Digicert boleh dirujuk di **Lampiran B**.


6. Jika terdapat sebarang pertanyaan mengenai perkara ini, pengguna boleh berhubung dengan Unit iSPEKS di talian 03-5521 2307 / 2314 atau emel ispekscare@selangor.gov.my.

7. Segala perhatian dan kerjasama semua pihak dalam menjayakan pelaksanaan iSPEKS didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**"SELANGOR MAJU BERSAMA"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,



(DR. SHAHRIL BIN BAHARIM) C.A.(M), FCMA, CGMA

Bendahari Negeri

b.p. YB Pegawai Kewangan Negeri Selangor

salinan kepada : YB Pegawai Kewangan Negeri Selangor